

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian penyelidikan pemasaran antarabangsa mengenai penerimaan slogan "Sawit Anugerah Tuhan"; dan
- (b) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk kempen tersebut sehingga Oktober 2020.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian akan terus memperkasakan usaha strategik sedia ada termasuk usaha penambahbaikan ke atas dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sebelum ini. Oleh itu, Kementerian akan mengambil beberapa pendekatan berbeza mengikut acuan dan kaedah Kerajaan yang ada pada hari ini. Pendekatan baru ini akan didokong dengan slogan baru 'Sawit Anugerah Tuhan' atau '*Palm Oil – It's God's gift!*'.

Matlamat utama kempen ini masih sama iaitu mendidik para pengguna tempatan yang masih belum berpengetahuan akan kelebihan minyak sawit dalam kehidupan seharian. Melalui slogan baharu ini juga, Kementerian berkeyakinan dapat menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di rantau Timur Tengah, Asia Tengah dan juga negara-negara di Benua Afrika. Pada masa yang sama, kita akan memperkukuhkan lagi pasaran-pasaran sedia ada dengan pendekatan yang lebih mantap.

Pada ketika ini, adalah terlalu awal untuk mengukur tahap penerimaan slogan "Sawit Anugerah Tuhan" memandangkan seluruh dunia telah dilanda wabak pandemik Covid-19. Walau bagaimanapun, Kementerian ini giat meneruskan usaha promosi menerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi meningkatkan kebolehpasaran produk sawit secara maya melalui dan kerjasama antara kerajaan (*Government to Government – G to G*) yang berkaitan.

- (b) Setakat ini, Pihak Kementerian telah membelanjakan sebanyak **RM212,900** untuk kempen tersebut dari segi penerbitan dan penyiaran video mengenai kempen ini.

Sekian, terima kasih.